



BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (70)

Tarikh: 13 Disember 2024

MBPJ KOMITED PERKUKUH NILAI INTEGRITI MELALUI IKRAR BEBAS RASUAH

Sebagai tanda komitmen Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dalam usaha membendung jenayah rasuah, membanteras penyelewengan, menyekat salah guna kuasa serta menghapuskan nepotisme dan kronisme, **Majlis Sambutan Hari Integriti dan Hari Antirasuah 2024** telah diadakan pada 13 Disember bertempat di Dewan Banquet MBPJ.

Bertemakan “**Teguh Integriti, Kukuh Pertiwi**” - “**Uniting with Youth Against Corruption: Shaping Tomorrow’s Integrity**”, acara tahunan ini telah menghimpunkan hampir 500 warga kerja MBPJ. **YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya** telah **memimpin bacaan Lafaz Ikrar Bebas Rasuah (IBR)** bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), yang merupakan pengisian utama program.

Acara disusuli dengan sesi tandatangan Ikrar Bebas Rasuah yang telah disempurnakan oleh Datuk Bandar dengan disaksikan oleh YBhg. Dato' Haji Alias bin Salim, Pengarah SPRM Negeri Selangor. Tayangan montaj Ikrar Bebas Rasuah turut menjadi salah satu pengisian bermakna semasa majlis ini berlangsung.

Majlis ini turut menyaksikan pelancaran rasmi **Buku Polisi Antirasuah Majlis Bandaraya Petaling Jaya**, yang bertujuan memperkukuh matlamat reformasi perkhidmatan awam. Inisiatif ini diambil untuk meningkatkan kecekapan penjawat awam serta membina kepercayaan rakyat terhadap kerajaan.

Buku polisi ini melambangkan usaha strategik MBPJ untuk memastikan penerapan elemen tadbir urus dan integriti yang kukuh dalam pentadbiran. Ia juga mencerminkan komitmen penuh MBPJ terhadap **Strategi Pembanteras Rasuah Nasional (NACS)** dan **Pelan Antirasuah Organisasi (OACP)** di samping memenuhi keperluan pensijilan **Sistem Pengurusan Antirasuah ISO 37001:2016 (ABMS)** oleh Sirim QAS International.

Seiring dengan usaha ke arah digitalisasi perkhidmatan, MBPJ telah mengambil langkah proaktif dengan membangunkan **Sistem Aduan dan Pengurusan Integriti**. Sistem ini dirancang untuk memastikan aduan berkaitan salah laku warga kerja MBPJ diuruskan dengan lebih cekap selain menjamin kerahsiaan pemberi maklumat. Melalui platform ini, pegawai yang bertanggungjawab dapat merekod, mengurus dan mengambil tindakan susulan terhadap aduan integriti dengan lebih pantas dan berkesan.



Majlis kali ini tampil lebih istimewa dengan pengiktirafan **Anugerah Tokoh Integriti MBPJ 2024**, sebuah penghargaan yang julung kali diadakan. Anugerah ini diberikan berdasarkan kriteria seperti tiada rekod kesalahan tatakelakuan sepanjang tahun penilaian 2023-2024, penyertaan aktif dalam program pengukuhan integriti serta sumbangan signifikan kepada Majlis. Penerima anugerah membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM1,000. Di akhir majlis, telah diadakan sesi forum dengan tajuk "**Teguh Integriti, Kukuh Pertiwi**" bagi memperluas kefahaman tentang pentingnya integriti dalam sektor awam.

Dalam ucapan Datuk Bandar, beliau turut menzahirkan bahawa Ikrar Bebas Rasuah yang dilafaz bukan sekadar memenuhi seruan untuk membanteras gejala rasuah tetapi juga sebagai pemangkin motivasi kepada penjawat awam untuk melaksanakan tugas dengan penuh integriti.

Penglibatan peserta yang sangat menggalakkan dalam program ini memperlihatkan kesungguhan MBPJ dalam memupuk tatakelola yang baik dan membanteras rasuah demi kemajuan Petaling Jaya dan kesejahteraan komuniti. Melalui pendekatan berwawasan ini, MBPJ berharap program sebegini dapat meningkatkan kesedaran tentang kesan buruk rasuah, mendidik orang ramai tentang peranan mereka dalam memerangi gejala ini serta menyampaikan mesej antirasuah secara berterusan.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي فتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (71)

Tarikh: 19 Disember 2024

MAKLUM BALAS ARTIKEL THE STAR “KELANA JAYA FOLK WANT MBPJ TO DROP ABANDONED VEHICLE DEPOT PLAN” BERTARIKH 18 DISEMBER 2024

PETALING JAYA, 19 DISEMBER 2024 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) ingin merujuk kepada artikel terbitan akhbar The Star di ruangan Metro News bertajuk “Kelana Jaya Folk want MBPJ to drop abandoned vehicle depot plan” yang disiarkan secara dalam talian dan cetak pada 18 Disember 2024.

MBPJ ingin memaklumkan bahawa isu cadangan menjadikan kawasan SS4 sebagai depoh penyimpanan kenderaan terbiar **telah selesai sejak Julai 2024**.

Pada 22 Julai 2024, satu sesi 'town hall' telah diadakan oleh Persatuan Penduduk bersama Majlis sebagai sebahagian daripada proses rundingan dengan komuniti setempat. Sesi ini bertujuan mendapatkan pandangan berkenaan cadangan penggunaan sebahagian kawasan tempat letak kereta yang tidak dimanfaatkan sebagai depoh penyimpanan kenderaan terbiar.

Hasil daripada sesi 'town hall' yang diadakan, YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya telah membuat keputusan untuk **membatalkan cadangan pembinaan depoh di kawasan SS4 pada 25 Julai 2024**. Keputusan ini dibuat setelah mempertimbangkan pandangan dan kebimbangan penduduk yang terlibat, khususnya mengenai risiko kawasan tersebut menjadi tempat pembiakan nyamuk dan haiwan berbisa yang boleh mengancam keselamatan komuniti.

Untuk makluman, MBPJ kini mempunyai tiga (3) lokasi depoh penyimpanan kenderaan iaitu di Pusat Inovasi Kota Damansara, PJU 8 Damansara Damai dan lokasi terbaru di Seksyen 10, bersebelahan Taman Jaya. Depoh baharu ini telah mula beroperasi pada 5 Disember 2024 sekali gus menggantikan cadangan asal di kawasan SS4.

Sehubungan itu, MBPJ memohon kerjasama pihak akhbar The Star untuk menyiarkan kenyataan ini bagi memberikan penjelasan dan maklumat yang tepat kepada orang awam. Langkah ini penting bagi mengelakkan kekeliruan dan kebimbangan dalam kalangan penduduk yang terlibat.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)



BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (72)

Tarikh: 21 Disember 2024

MBPJ PERKUKUH KESELAMATAN BANGUNAN DAN IKTIRAF KECEMERLANGAN PEMILIK MELALUI PENGANJURAN MAJLIS ANUGERAH DAN TAKLIMAT 2024

Bagi memastikan pemilik yang telah menerima Notis 85A mematuhi serta memenuhi keperluan garis panduan Pemeriksaan dan Pengukuran Keadaan Bangunan Sedia Ada (MBCS-MBPJ), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menganjurkan **Majlis Anugerah Bangunan Berprestasi 2024 dan Taklimat Pemantapan Kecekapan Mandatori Pemeriksaan Bangunan Berkala (MBCS-MBPJ) Seksyen 85A Akta 133** bertempat di Hotel Countryard by Marriot, Kuala Lumpur hari ini.

Penganjuran majlis ini meletakkan objektif utama pelaksanaannya untuk melonjak nilai tambah dan impak yang signifikan dalam aspek memperkukuhkan pemahaman pemilik bangunan dan Perunding Profesional Berdaftar yang dilantik mengenai skop pemeriksaan serta penyediaan laporan mengikut garis panduan yang ditetapkan.

Ia juga mencerminkan tahap keseriusan dan komitmen tinggi MBPJ untuk mewujudkan persekitaran bandar raya yang bebas-risiko serta selamat selaras dengan aspirasi menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya mampan yang mengutamakan kesejahteraan rakyat serta keselamatan awam.

Datuk Bandar Petaling Jaya, YBr. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, dalam ucapannya menegaskan bahawa taklimat ini adalah untuk memberikan kefahaman yang lebih jelas terhadap pemakaian Seksyen 85A, yang meliputi skop dan tanggungjawab pihak berkuasa tempatan, pemilik dan perunding serta penyediaan laporan bangunan mengikut garis panduan MBCS-MBPJ.

“Pemantapan kecekapan pemeriksaan keadaan bangunan secara berkala sangat penting dan dapat menyumbang kepada proses penambahbaikan kualiti bangunan secara berterusan kerana kebanyakan insiden bangunan yang berlaku melibatkan bangunan sedia ada yang telah berusia melebihi 10 tahun.

Beliau turut menyatakan harapan agar usaha mengenal pasti bangunan berisiko dapat diteruskan melalui pemeriksaan menyeluruh yang dilaksanakan secara berkala. Dengan pelaksanaan Seksyen 85A ini, MBPJ optimis bahawa risiko kejadian seperti ini dapat diminimumkan.

Dalam majlis tersebut, Datuk Bandar juga telah menyampaikan **Anugerah Bangunan Berprestasi 2024** kepada **18 pemilik bangunan (rujuk lampiran)**. Anugerah ini adalah tanda penghargaan kepada semua pemilik bangunan yang telah berjaya menyempurnakan kerja pembaikan seperti yang dilaporkan dalam Laporan Pemeriksaan dan MBCS-MBPJ Seksyen 85A, Akta 133 yang disediakan oleh perunding bebas dilantik oleh pemilik bangunan dan melengkapkan proses pemeriksaan bagi bangunan melebihi 5 tingkat yang telah berusia lebih daripada 10 tahun.

MBPJ terus komited menyediakan perkhidmatan bandar raya yang cekap dan profesional, selaras dengan aspirasi menjadikan Petaling Jaya sebagai bandar raya pintar, mampan dan berdayatahan menjelang 2030 yang mengutamakan kesejahteraan rakyat serta keselamatan awam. Ke arah itu, sistem tadbir urus akan terus diperkukuhkan bagi memenuhi harapan tinggi pihak berkepentingan di Petaling Jaya.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

**SENARAI PENERIMA
ANUGERAH BANGUNAN BERPRESTASI 2024**

BIL.	PENERIMA
ANUGERAH BANGUNAN BERPRESTASI 2024	
1.	Kondominium Perdana Exclusive (Blok A)
2.	Kondominium Perdana Exclusive (Blok B)
3.	Kondominium Perdana Exclusive (Blok C)
4.	Wisma Celcom
5.	Tun Tan Cheng Lock College Of Nursing Assunta Hospital
6.	Paradigm Mall
7.	Damansara Fairway 3
8.	Persatuan Bekas Pelajar-Pelajar Maktab Sultan Abdul Hamid (Wisma Sahoca)
9.	Dataran Prima (Blok C1)
10.	Dataran Prima (Blok C2)
11.	Dataran Prima (Blok D1)
12.	Dataran Prima (Blok D2)
13.	Kondominium Kelana Puteri (Blok A)
14.	Kondominium Kelana Puteri (Blok B)
15.	Kondominium Kelana Puteri (Blok C)
16.	Kondominium Kelana Puteri (Blok D)
17.	Kondominium Kelana Puteri (Blok E)
18.	Kondominium Kelana Puteri (Blok F)